



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**14 Syawal 1441 / 06 Jun 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Sabtu, 14 Syawal 1441H bersamaan 06 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang manakala jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.**
2. Pada masa ini, hanya **satu kes aktif** masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Ala memberikan kesembuhan sepenuhnya kepada beliau. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamin.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 538 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 21,157 ujian.
4. Berikutan makluman mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 279,226 orang ramai telah mendaftar sebagai pengguna applikasi tersebut. Manakala, sejumlah 5,899 syarikat dan premis telah mendaftar kepada applikasi tersebut.
5. Seterusnya, Kementerian Kesihatan ingin sekali lagi menekankan dan mengingatkan orang ramai untuk masih melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan ketika berkunjung ke restoran-restoran, gedung-gedung perniagaan, pasar-pasar dan kedai-kedai runcit. Terutama sekali untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal (physical distancing) seperti yang disarankan dan tidak beramai-ramai mengunjungi ke satu tempat. Disamping itu, pemilik-pemilik peniagaan serta restoran adalah juga disyorkan untuk mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengelak situasi perhimpunan ramai di tempat atau sekitar premis penjualan.
6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn**

atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 14 Syawal 1441H / 6 Jun 2020